

DATE : 26 August 2013
PUBLICATION : Bernama
SECTION : Berita
HEADLINE : Maybank Asset Management Berkembang Ke Indonesia



BERNAMA › BERITA

Maybank Asset Management Berkembang Ke Indonesia

KUALA LUMPUR, 26 Ogos (Bernama) -- Maybank Asset Management Sdn Bhd, sebuah anak syarikat milik penuh Maybank Group, melalui Maybank Asset Management Group Bhd, memperluaskan operasinya ke Indonesia melalui pembelian peserta pengurusan aset tempatan Indonesia, PT GMT Aset Manajemen.

Sebagai sebahagian daripada strateginya ke arah menjadi peserta utama dalam industri pengurusan aset dalam Asean menjelang 2017, pembelian GMT Aset Manajemen yang berpangkalan di Jakarta itu menawarkan operasi tempatan yang kukuh dalam Asean kepada pelabur dengan kepakaran pelaburan yang memberikan tumpuan kepada Asia.

Dalam satu kenyataan di sini Isnin, syarikat itu berkata, peluasan ke Indonesia itu adalah susulan inisiatif kumpulan itu untuk memperkukuh perniagaan pengurusan asetnya di bawah satu bumbung, yang kini terdiri daripada Maybank Asset Management dan Maybank Private Equity Sdn Bhd di Malaysia, Maybank Asset Management Singapore Pte Ltd di Simbapura dan Maybank Asset Management Thailand Co Ltd di Thailand.

Ini bertujuan membolehkannya memberikan tumpuan yang lebih besar, memanfaatkan ekonomi bidangan, mencapai proses kerja bersama secara cekap dan meningkatkan jangkauan Maybank di seluruh rantau ini, tegasnya.

Melalui rangkaiannya yang kukuh dalam Asean, Maybank Asset Management ingin benar-benar berbeza melalui operasinya yang kukuh dan kepakarannya dalam pelaburan yang memberikan tumpuan kepada Asia.

Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Pengarah Urusan Maybank Asset Management, Nor' Azamin Salleh, berkata Indonesia, sebagai ekonomi terbesar rantau ini dengan keluaran dalam negara kasar sebanyak US\$878 bilion (US\$1=RM3.30) pada 2012, merupakan negara yang keempat paling ramai penduduknya dan satu daripada negara yang paling pantas berkembang dalam Asean, dan pengguna kelas pertengahan dan berada yang semakin ramai merupakan sebab yang kukuh baginya memasuki pasaran ini.

"Di sebalik keadaan pasaran yang turun naik sekarang, kami akan berada di sini bagi jangka masa yang panjang kerana kami yakin Indonesia akan terus mengatasi prestasi pasaran lain disebabkan oleh ekonominya yang kukuh dan ditumpukan kepada keperluan dalam negara," tegasnya.

Nor' Azamin berkata Indonesia adalah pilihan yang jelas bagi peluasan memandangkan prospek positif tentang kemampanan dan potensi meningkat ekonominya serta permintaan tinggi yang boleh dijangkakan bagi produk pelaburannya.

Selain itu, peluasan strategik syarikat itu ke republik itu adalah langkah sejajar dengan strategi peluasan serantau syarikat induk Maybank, katanya.

"Menjadi sebahagian daripada Maybank membolehkan kami memanfaatkan rangkaian pengedaran dan kepakaran Kumpulan ini yang luas di Asia. Selain itu, kami boleh memanfaatkan jenama dan nama baik Maybank," kata Nor' Azamin.

Beliau berkata GMT Aset Manajemen adalah rakan kongsi unggul kerana ia mempunyai potensi yang besar.

Dari aset di bawah pengurusannya (AUM) bernilai 39 bilion rupiah (IDR) (RM100=IDR327,792) ketika ia memulakan operasi pada Julai 2002, syarikat itu telah berjaya mencatatkan pertumbuhan dua angka bagi AUMnya kepada 780.9 bilion rupiah pada akhir Jun 2013.

Nor' Azamin berkata peluasan ke Indonesia akan menjadi satu lagi platform yang amat baik untuk membina asas dalam Asean sebelum memasuki pasaran-pasaran lain dalam Asia.

-- BERNAMA